

Dua kampung terjejas banjir

66 mangsa termasuk dua bayi terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

GUNUNG SEMANGGOL

Fenomena banjir luar biasa berlaku di luar musim tengkujuh menyebabkan sejumlah 18 keluarga dari dua kampung dipindahkan ke pusat pemindahan sementara mangsa banjir di Dewan Orang Ramai Kampung Padang Lalang, di sini sejak jam 7 pagi, semalam.

Hujan lebat turun sejak seminggu lalu menyebabkan kesemua 66 mangsa banjir dari Kampung Tebuk Panchur dan Kampung Tanjung Bugis, termasuk dua bayi, terpaksa dipindahkan disebabkan paras banjir memenuhi rumah mereka setinggi 0.5 meter.

Kejadian banjir luar biasa itu turut mendapat perhatian Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir yang membuat lawatan mengejut di pusat pemindahan sementara dan meninjau keadaan banjir yang berlaku di dua kampung terbabit.

Zambry berkata, pihaknya di-



Dr Zambry (tengah) menyerahkan sumbangan barangan makanan dan keperluan disediakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada wakil 18 keluarga mangsa banjir yang dipindahkan di Dun Gunung Semanggol.

maklumkan banjir itu berpunca daripada limpahan air di Empangan Kolam Bukit Merah yang kini mencapai ketinggian melebihi paras bahaya iaitu 9.21 meter di mana paras amaran adalah 8.7 meter.

Menurutnya, limpahan air itu terpaksa dilepaskan Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian ke tiga pintu air limpah alur selatan yang mengalir ke Sungai 540 meter padu sesaat, melebihi kadar biasa sebanyak 120 meter padu sesaat.

"Kesannya air dari Sungai Kurau memenuhi cabang sungai dan memasuki rumah penduduk kampung seperti di Kampung Tebuk Panchur dan Kampung Tanjung Bugis.

"Setakat ini, beberapa kampung turut dikenal pasti mengalami banjir seperti dua kampung tersebut, tetapi tidak seteruk fenomena banjir di sini pada tahun terdahulu," katanya.

RTB Kerian berjaya minimumkan impak banjir

DI sebalik bencana banjir berlaku, beliau bersyukur kewujudan ban-ban dari projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kerian yang baru siap dibina di kawasan Mukim Semanggol berjaya meminimumkan impak banjir berbanding sebelum ini.

"Meskipun masih berlaku banjir, keadaan di daerah Kerian tidak seteruk dahulu, malah kita dapat melihat kesan positif pembinaan ban-ban RTB Kerian yang menelan belanja mencecah RM450 juta.

"Cuma, RTB Kerian masih ada fasa belum dilaksanakan di mana ada kawasan binaan ban yang dikenal pasti berlaku mendapan dan perlu penambahbaikan," katanya.

Zambry berkata, bagi penyelesaian jangka masa pendek, JPS Kerian memaklumkan akan berusaha meninggikan kembali paras binaan ban berlaku mendapan di Kampung Ban Pisang.

Selain itu, beliau menegaskan penyediaan pam bergerak akan diletakkan dua lokasi berisiko tinggi banjir di Tanjung Bugis dan Kampung Padang Lalang selain pe-

Air Sungai Kurau naik mendadak

MENURUT Zambry, keadaan paras empangan melebihi paras bahaya menyebabkan JPS Kerian mengesyorkan pelepasan air empangan pada kadar terkawal secara berperingkat.

Selain itu, situasi kadar taburan hujan tidak sekata berlaku di kawasan utara semenanjung menyebabkan kawasan tadahan Bukit Merah menerima taburan hujan setinggi 128 milimeter sehari pada 29 Mac lalu.

"Berikutan itu, paras air

Sungai Kurau meningkat mendadak dan melepasi paras ban tebatan banjir dibina di sekitar Kampung Padang Lalang, selain fenomena air laut pasang besar sejak beberapa hari lalu.

"Pada masa sama, sebuah lagi kampung iaitu Kampung Tanjung Bugis dikenal pasti terperangkap antara ban tebatan dan sungai, sekali gus menyebabkan kampung itu pantas dinaiki air melimpah dan sukar dikeringkan segera," katanya.



Dr Zambry (tengah) meneliti peta kawasan mengalami banjir di Mukim Semanggol sambil mendengar penerangan Jurutera Daerah JPS Kerian.



Rumah penduduk di Kampung Tebuk Panchur dipenuhi air selepas air bah naik setinggi 0.7 kaki dan menjejaskan barangan perabot mereka.

Nyaris terperangkap dalam rumah

SEMENTARA itu, banjir melanda rumah seorang pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kerian di Kampung Tebuk Panchur, di sini, Rozi Che Soh, 47, tidak menjejaskan semangatnya untuk terus berkhidmat membantu mangsa banjir lain berpindah ke pusat pemindahan mangsa banjir disediakan.

Meskipun perlu memberi perhatian kepada isteri, Sarimah Arpan, 41, yang masih dalam tempoh berpantang anak keenam, Mohd Alif Haikal, berusia 33 hari, beliau masih menumpukan khidmat kepada masyarakat.

"Selesai memindahkan mereka ke pusat pemindahan, saya segera



ROZI

menjalankan tugas sebagai pegawai APM untuk membantu mangsa banjir yang memerlukan bantuan," katanya.

Seorang lagi mangsa, Faridah Amri, 47, dari Kampung Tanjung Bugis berkata, dia bersama lima ahli keluarga lain nyaris terperangkap di dalam rumah dipenuhi air

bah setelah kesemuanya tertidur sewaktu kejadian berlaku.

"Kira-kira jam 10 malam semalam (kelmarin), saya terjaga dari tidur untuk ke tandas, namun terkejut apabila tilam saya terapung atas air bah.

"Saya segera panggil ahli keluarga lain dan bergegas menyelamatkan barang penting," katanya.

masangan dua pam di Batu 38 dan 40 sudah dilakukan sejak permulaan musim hujan seminggu lalu.

"Bagi langkah penyelesaian jangka panjang, JPS akan membina pam kekal di setiap kawasan berisiko tinggi banjir yang dikenal pasti.

"Fasa kedua RTB Kerian akan dimulakan segera," katanya.

Beliau turut menegaskan keraja-

an negeri bakal mempertimbangkan pembinaan segera sebuah titi pintasan menghubungkan Kampung Tepi Sungai dan Kampung Ulu Sepetang yang runtuh pagi kelmarin.

"Laluan titi pintasan itu amat penting untuk kegunaan penduduk dari dua kampung dan kerajaan negeri akan memberi perhatian segera perkara itu," katanya.



Dr Zambry (tengah) turut meninjau struktur ban di bawah projek RTB Kerian yang baharu disiapkan.